

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 MAY 2016

Malaysia menuntut keadilan kes MH17: PM

BH - 20/5/2016

[FOTO AFP]

→ Tindakan lanjut dibuat selepas pembentangan laporan Oktober depan

Mustapa Omar
musomar@hmetro.com.my



► Sochi, Russia

Malaysia sekali lagi mengulangi pendiriannya yang mahukan kes tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 ditembak jatuh di Timur Ukraine pada 17 Julai 2014, diselesaikan sampai ke penghujungnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata beliau memaklumkan kepada Presiden Russia, Vladimir Putin bahawa kerajaan mahu memastikan segala tindakan adalah berdasarkan proses keadilan yang boleh memberi kepuasan kepada keluarga mangsa.

“Sehubungan itu, kita bersetuju supaya sebarang langkah selanjutnya hanya akan dibuat selepas pembentangan laporan berhubung siasatan dalam unsur jenayah oleh Pasukan Penyiasatan Bersama Oktober depan,” katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan perbincangan dua hala dengan Putin di luar Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Russia selama dua hari, bermula semalam.



Najib bersalam dengan Putin dalam pertemuan di luar Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Russia di Sochi, semalam.



Kita bersetuju supaya sebarang langkah selanjutnya hanya akan dibuat selepas pembentangan laporan berhubung siasatan dalam unsur jenayah”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Yang turut sama dalam pertemuan itu Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Duta Malaysia ke Russia, Datuk Hayati Ismail dan pegawai kanan Kementerian Luar.

Tingkat usaha perdagangan

Najib berkata, dalam pertemuan 30 minit itu beliau dan Putin juga mengambil maklum hubungan perdagangan kedua-dua negara walaupun memuaskan tetapi tidak sampai ke tahap memberangsangkan dan usaha perlu ditingkatkan bagi merebut peluang yang terbuka luas.

Oleh itu, katanya, Malaysia berhasrat untuk meneroka peluang

menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan lima negara Kesatuan Ekonomi Eurasia (EAEU), termasuk Russia.

Perdana Menteri berkata, Putin pula melahirkan hasratnya supaya kerjasama meluas dapat dilaksanakan dalam bidang ekonomi, teknikal, pendidikan, pertahanan dan menangani isu keganasan melampau seperti Daesh.

“Beliau juga menyatakan kesediaan Russia membekalkan peralatan pertahanan jika Malaysia ingin meningkatkan lagi keupayaan pertahanan kita,” katanya.

Mengenai kerjasama dalam bidang pelancongan, Najib berkata

Info

Tragedi MH17

→ Pesawat Boeng 777-200 ditembak menggunakan peluru berpandu jenis 9N314M.

→ Peluru dilancar oleh BUK di ruang udara Donetsk yang dikuasai pemberontak Ukraine.

→ 283 penumpang dan 15 anak kapal terkorban, termasuk 44 warga Malaysia.

kedua-dua pihak bersetuju kemungkinan mewujudkan semula penerbangan terus Kuala Lumpur-Moscow, selain meningkatkan kekerapan penerbangan sewa khas.

“Saya berharap Malaysia Airlines dan AirAsia dapat meneroka peluang ini bagi meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong Russia, selain memberi pilihan kepada mereka berikutan banyak destinasi tumpuan mereka sebelum ini tidak lagi selamat,” katanya.

Untuk video layari www.bharian.com.my